

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]

TARIKH : 20.10.2015

SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah penglibatan pelajar kolej, universiti dan sekolah dalam aktiviti haram seperti pelacuran terutamanya di ibu kota Kuala Lumpur dan apakah langkah pengawalan bagi menyekat penularan aktiviti-aktiviti haram ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memandang serius penglibatan pelajar kolej dan universiti awam dalam sebarang aktiviti haram. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menyekat penularan aktiviti-aktiviti ini adalah:

- Melaksanakan penerangan terperinci berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) melalui pejabat Hal Ehwal Pelajar;
- Mengadakan kerjasama strategik dengan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
- Menganjurkan program-program Unit Kaunseling pada Minggu Pendaftaran Pelajar Baharu dan juga dari semasa ke semasa; dan
- Menggalakkan penyertaan pelajar dalam badan beruniform seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia (KLKM) dan Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS).

Bagi pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Seksyen 33 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab ke atas setiap Ketua Eksekutif IPTS untuk menguruskan pentadbiran, kebajikan dan disiplin pelajar. Dalam konteks ini, Ketua Eksekutif IPTS berhak menentukan kaedah yang bersesuaian bagi menyekat penularan serta penglibatan pelajarinya dalam aktiviti haram termasuk pelacuran.

Di peringkat sekolah pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih bagi mengekang kegiatan pelacuran di ibu kota Kuala Lumpur. Melalui penubuhan sekolah ini, semua kanak-kanak yang ibunya terlibat dalam aktiviti pelacuran telah didaftarkan untuk bersekolah seperti kanak-kanak yang lain. Selain itu, KPM turut menekankan isu keruntuhan akhlak melalui Sukatan Pendidikan yang sedia ada.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH] [DAP]**

TARIKH : 20 OKT 2015, SELASA

SOALAN : 14

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sebab beliau mengarahkan **MARA** menghentikan tajaan pelajar Bumiputera ke Taylors University. Apakah arahan ini berkaitan dengan pihak Taylors University menghentikan kontrak dengan syarikat bas yang menghantar peserta ke Perhimpunan Baju Merah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, keputusan untuk memberhentikan tajaan pelajar baharu ke Taylors University tiada kaitan dengan isu penamatan kontrak syarikat bas seperti yang dimaksudkan. Penajaan pelajar oleh MARA di IPT termasuk di Taylors University adalah dibuat mengikut keperluan semasa.

Namun begitu tajaan kepada pelajar sedia ada seramai 521 orang pelajar masih diteruskan. Tajaan ini adalah untuk pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian.